GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROJEK PEMAJUAN KAWASAN

(PINDAAN 2024)

BAHAGIAN KEMAJUAN TANAH DAN WILAYAH
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

ISI KANDUNGAN

1.0	TUJUAN			1
2.0	LATAR BELAKANG			1
3.0	OBJEKTIF PPK			1
4.0	SKOP PROJEK			2
5.0	PROJEK PEMBANGUNAN			3
6.0	MEKANISME PERMOHONAN DAN PELAKSANAAN PROJEK			4
	6.1	DASAR DAN POLISI		4
	6.2	DEFINISI DAN PERANAN PIHAK YANG TERLIBAT DENGAN PPK		4
		6.2.1	AGENSI PEMILIK	4
		6.2.2	AGENSI PEMOHON / PENERIMA	4
		6.2.3	AGENSI PELAKSANA	5
		6.2.4	PESERTA	5
	6.3	PERANCANGAN PROJEK		5
		6.3.1	STATUS TANAH	5
		6.3.2	KRITERIA PEMILIHAN LOKASI PROJEK	6
		6.3.3	KAEDAH PERMOHONAN PROJEK	6
		6.3.4	KRITERIA PEMILIHAN PESERTA	7
	6.4	KAEDAH PELAKSANAAN PROJEK		8
		6.4.1	PELAKSANAAN OLEH KKDW	8
		6.4.2	LANTIKAN AGENSI PELAKSANA BAGI PIHAK KKDW	8
		6.4.3	PENGURUSAN KONTRAK	8
7.0	PEMANTAUAN DAN PENYERAHAN PROJEK			9
	7.1	PEMANTAUAN PROJEK		9
		7.1.1	PERINGKAT KEMENTERIAN	9
		7.1.2	PERINGKAT BAHAGIAN	9
		7.1.3	PERINGKAT PROJEK	10
	7.2	PENYERAHAN PROJEK		10
	7.3	CARTA ALIR PELAKSANAAN PPK		10
8.0	DASAR PEMISAH			11
9.0	PAMAKAIAN DAN TARIKH KUATKUASA			11
10.0	PENGECUALIAN			11
11.0	MAKLUMAT PERHUBUNGAN			11

LAMPIRAN 1 REKA BENTUK DAN SPESIFIKASI PAPAN TANDA NAMA PROJEK PEMAJUAN KAWASAN

LAMPIRAN 2 PENDAPATAN GARIS KEMISKINAN (PGK) PER KAPITA MENGIKUT NEGERI DAN STRATA & HAD PENDAPATAN BAGI KUMPULAN TERENDAH 40 PERATUS (B40)

LAMPIRAN 3 **RINGKASAN ALIRAN PROSES PENGURUSAN KONTRAK SECARA KONVENSIONAL & REKA DAN BINA**

LAMPIRAN 4 **CARTA ALIR PELAKSANAAN PROJEK PEMAJUAN KAWASAN**

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN
PROJEK PEMAJUAN KAWASAN (PINDAAN 2024)
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

1.0 TUJUAN

Tujuan Garis Panduan ini adalah untuk menerangkan kaedah pelaksanaan program Projek Pemajuan Kawasan (PPK) yang dilaksanakan oleh Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) sebagai rujukan kepada agensi-agensi berkepentingan yang terlibat dalam peringkat permohonan, pelaksanaan dan penyerahan projek.

2.0 LATAR BELAKANG

Projek Pemajuan Kawasan (PPK) merupakan program pembangunan di bawah KKDW untuk membangunkan petempatan baharu atau menyusun semula petempatan kampung sedia ada secara terancang di kawasan luar bandar yang dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur asas dan ameniti sosial. Program ini telah bermula sejak Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) melalui pelbagai nama seperti Projek Bersepadu Desa Terpencil (PROSDET), Penempatan Semula Kampung (PSK) atau Pusat Pertumbuhan Desa (PPD) dan kini diseragamkan sebagai PPK. Pelaksanaan PPK akan diteruskan dalam setiap Rancangan Malaysia bagi memenuhi teras-teras utama untuk memperkukuh pembangunan masyarakat yang inklusif serta meningkatkan kesejahteraan rakyat.

3.0 OBJEKTIF PPK

Objektif PPK telah digariskan seperti berikut:

i. Menyediakan petempatan yang teratur dan selesa kepada penduduk luar bandar yang terdedah kepada ancaman (bencana alam, keselamatan, kesihatan) dan petempatan di kawasan yang tidak sesuai serta aksesibiliti yang sukar.

ii. Menyediakan petempatan baharu yang lebih terancang kepada golongan miskin dan miskin tegar (eKasih) dan golongan berpendapatan rendah (B40).

iii. Menaik taraf kampung sedia ada dengan penyusunan semula struktur kampung melalui penyediaan kemudahan asas dan infrastruktur yang lebih baik bagi tujuan peningkatan taraf dan kualiti hidup penduduk.

4.0 SKOP PROJEK

Antara skop projek yang boleh dilaksanakan mengikut kesesuaian di bawah program PPK adalah seperti berikut:

i.	**Rumah PPK**	Rekabentuk dan spesifikasi pembinaan rumah tertakluk kepada garis panduan semasa Tatacara Pelaksanaan Program Bantuan Rumah, Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat yang diguna pakai oleh Kementerian sebagai keperluan minimum bergantung kepada cadangan reka bentuk yang dikemukakan yang mana lebih ekonomik dan menguntungkan kerajaan. Saiz minimum luas lantai rumah adalah 680 kaki persegi tidak termasuk pengiraan anjung.
ii.	**Lot Tapak Rumah**	Bagi pembinaan rumah oleh pihak ketiga untuk peserta di luar daripada kategori penerima rumah PPK (golongan berpendapatan rendah B40). Saiz minimum lot tapak rumah adalah tertakluk kepada pelaksanaan dasar peringkat negeri.
iii.	**Kemudahan Infrastruktur**	Kerja pembersihan tapak, kerja tanah, jalan masuk, jalan dalam petempatan, perparitan, sistem bekalan air, sistem bekalan elektrik, lampu jalan, sistem rawatan kumbahan (STP), sistem pengurusan sampah dan sebagainya.
iv.	**Kemudahan Ameniti Sosial**	Dewan serbaguna, surau, padang permainan, gelanggang permainan, TASKA/TABIKA/Pusat Pendidikan Awal Kanak-Kanak (PPAK), kawasan lapang dan sebagainya tertakluk kepada keperluan masyarakat setempat.

v. **Papan Tanda Nama PPK** Komponen yang perlu disediakan untuk semua PPK baharu. Rujuk **Lampiran 1:** Reka bentuk dan Spesifikasi Papan Tanda Nama PPK.

vi. **Prasarana Ekonomi** Kemudahan yang berkaitan untuk membantu penduduk melakukan aktiviti ekonomi seperti dataran kejat dan sebagainya.

vii. Lain-lain skop yang disenaraikan dalam Program Ameniti Sosial (PAMS) atau lain-lain keperluan mengikut kesesuaian untuk pembangunan PPK boleh dipertimbangkan tertakluk kepada kelulusan KKDW.

5.0 PAKEJ PEMBANGUNAN

Pakej pembangunan yang ditawarkan di bawah program ini adalah seperti berikut:

i. **Pakej 1** – KKDW menyediakan petempatan yang lengkap dengan penyediaan rumah, lot tapak rumah, infrastruktur dan ameniti sosial.

ii. **Pakej 2** – KKDW menyediakan kerja-kerja awalan penyediaan tapak, kerja tanah serta infrastruktur asas seperti jalan, parit dan komponen lain yang bersesuaian di kawasan petempatan sedia ada yang telah diduduki sekurang-kurangnya 30% daripada kawasan, tertakluk kepada pelan susun atur mengikut garis panduan yang disyaratkan oleh PBT dalam Kebenaran Merancang dan kelulusan KKDW.

iii. **Pakej 3** – KKDW menyediakan kerja-kerja awalan penyediaan tapak, kerja tanah serta infrastruktur asas seperti jalan, parit dan komponen lain yang bersesuaian di kawasan petempatan baharu. Walau bagaimanapun, keputusan ini adalah tertakluk kepada peruntukan bagi pembinaan rumah yang telah diperolehi daripada kerajaan negeri, agensi atau pihak lain yang berkaitan.

6.0 MEKANISME PERMOHONAN DAN PELAKSANAAN PROJEK

6.1 Dasar dan Polisi

Dasar dan polisi projek digubal dan dilaksanakan mengikut dasar dan peraturan kerajaan semasa yang sedang berkuat kuasa.

6.2 Definisi dan Peranan Pihak yang Terlibat Dengan PPK

6.2.1 Agensi Pemilik

Agensi pemilik yang bertanggungjawab bagi projek di bawah PPK adalah Bahagian Kemajuan Tanah dan Wilayah, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW).

Peranan agensi pemilik ialah seperti berikut:

i. Bertindak sebagai Pengurus Projek;
ii. Memastikan projek dilaksanakan mengikut kehendak kerajaan (*need statements*) yang diluluskan;
iii. Menyediakan peruntukan yang mencukupi dan memastikan proses kewangan mematuhi prosedur kewangan semasa yang berkuat kuasa;
iv. Melaksanakan pemantauan secara berkala melalui mesyuarat dan lawatan tapak; dan
v. Memastikan projek dapat disiapkan mengikut perancangan dan membuat penyerahan kepada agensi penerima.

6.2.2 Agensi Pemohon / Penerima

Agensi pemohon merupakan pihak yang bertanggungjawab mengemukakan cadangan permohonan projek PPK kepada KKDW. Agensi pemohon boleh terdiri daripada agensi di bawah KKDW, kerajaan negeri, atau agensi kerajaan negeri.

Agensi penerima adalah agensi yang menerima projek PPK yang telah disiapkan. Secara lazimnya, agensi penerima merupakan agensi pemohon projek kecuali bagi komponen-komponen tertentu projek yang diserahkan kepada pihak bertanggungjawab yang berkenaan.

Peranan agensi pemohon / penerima ialah seperti berikut:

i. Menyediakan tapak yang sesuai (fizikal dan geografi);
ii. Menyegerakan kelulusan berkaitan pembangunan tanah;
iii. Membantu memudah cara dalam kelulusan Kebenaran Merancang dan Sijil Perakuan Penyiapan dan Pematuhan (CCC); dan
iv. Mengenal pasti senarai peserta mengikut syarat yang berkaitan.

6.2.3 Agensi Pelaksana

Agensi pelaksana merupakan agensi yang dilantik oleh KKDW setelah mendapat pengecualian Arahan Perbendaharaan AP182 dan bertindak sebagai agensi teknikal pelaksana bagi pihak agensi pemilik mengikut tatacara perolehan dan kewangan yang berkuat kuasa.

6.2.4 Peserta

Peserta PPK merupakan golongan sasar yang telah terpilih untuk menerima manfaat projek secara langsung.

6.3 Perancangan Projek

Projek-projek yang dimohon perlulah menepati syarat-syarat permohonan projek yang meliputi komponen berikut:

6.3.1 Status Tanah

i. Status tanah bagi tapak projek hendaklah terdiri daripada:

   a. Tanah kerajaan negeri; atau
   b. Tanah kerajaan persekutuan; atau
   c. Tanah milik agensi-agensi KKDW; atau
   d. Tanah hak milik individu yang termasuk dalam rancangan pembangunan kampung seperti RKT, Kg Tersusun dll, sekiranya memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh PBT.

ii. Sebarang kos pampasan tanah, pengambilan balik tanah, kerja menanda dan mengukur tanda sempadan lot dan bayaran premium tanah adalah tidak termasuk dalam peruntukan pelaksanaan.

6.3.2 Kriteria Pemilihan Lokasi Projek

i. Kriteria pemilihan lokasi projek adalah berdasarkan keutamaan seperti berikut:

   a. Lokasi tapak cadangan bebas daripada sebarang tuntutan / ancaman / bencana;
   b. Keutamaan tapak di lokasi strategik dan mempunyai kadar aksesibiliti yang tinggi dari jalan utama dan terletak dalam kawasan operasi Pihak Berkuasa Tempatan; dan
   c. Kesesuaian tanah untuk dibangunkan petempatan dan berhampiran sumber ekonomi atau tempat asal peserta. Peserta boleh dipadankan dengan program-program sedia ada KKDW seperti Program Peningkatan Pendapatan (PPP), Program Latihan dan Kemahiran Kerjaya (PLKK).

ii. Kriteria pemilihan lokasi projek juga disuai padan dengan merujuk kepada Garis Panduan dan Peraturan Pemilihan Tapak dan Keperluan Peralatan Projek, Pekeliling Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Bilangan 2 Tahun 2009 dan pelaksanaan penilaian inisiatif *Value at Entry* (VAE).

6.3.3 Kaedah Permohonan Projek

i. Permohonan projek PPK daripada mana-mana agensi negeri hendaklah diselaras dan diperakukan oleh pihak kerajaan negeri melalui Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) atau Unit/Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (UPEN/BPEN), Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah atau Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak (M-FICORD) sebelum dikemukakan kepada KKDW.

ii. Permohonan oleh Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW) atau mana-mana agensi di bawah KKDW–boleh dikemukakan secara terus kepada KKDW.

6.3.4 Kriteria Pemilihan Peserta

i. Pemilihan peserta adalah di bawah tanggungjawab Agensi Pemohon/Penerima atau mana-mana agensi yang bertanggungjawab untuk membuat pemilihan peserta. Peserta yang layak dipertimbang untuk mendapat rumah PPK terdiri daripada miskin dan miskin tegar (yang berdaftar dalam eKasih). Manakala, peserta yang layak menerima lot tapak rumah adalah terdiri daripada Kumpulan B40.

ii. Bagi peserta tidak berdaftar eKasih atau mangsa bencana yang kehilangan harta benda sepenuhnya, kelayakan untuk menerima bantuan rumah atau lot tapak rumah adalah berdasarkan kriteria berikut:

- diperaku dan disahkan layak oleh Mesyuarat *Focus Group* Pembasmian Kemiskinan Peringkat Daerah (FGD) atau Negeri (FGN) atau jawatankuasa yang setara dengannya di peringkat negeri; atau
- diperaku oleh agensi-agensi kerajaan yang terlibat dalam program pembasmian kemiskinan; atau
- diperaku jawatankuasa peringkat LKW / agensi bawah KKDW atau jawatankuasa yang setara dengannya di peringkat Kementerian; atau
- apa-apa jawatankuasa yang seumpama dengannya.

iii. Agensi Pemohon / Penerima Projek akan menguruskan kemasukan peserta dan boleh mengadakan satu perjanjian atau akujanji dengan peserta. Agensi Penerima juga boleh mengadakan kursus pra-penempatan dan latihan modal insan yang sesuai kepada peserta.

Rujuk **Lampiran 2**: Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Per Kapita Mengikut Negeri dan Strata terkini oleh Kementerian Ekonomi. Pemilihan peserta tertakluk kepada data semasa yang diguna pakai.

6.4 Kaedah Pelaksanaan Projek

6.4.1 Pelaksanaan oleh KKDW

Dilaksanakan sendiri oleh KKDW di mana Bahagian Teknikal dilantik sebagai Pegawai Penguasa Projek mengikut Pekeliling Pentadbiran Kontrak Dalam Perolehan Kerajaan.

6.4.2 Lantikan Agensi Pelaksana bagi Pihak KKDW

Agensi Pelaksana projek ditentukan dan dilantik oleh Kementerian berdasarkan peraturan sedia ada. Agensi Pelaksana bertanggungjawab untuk melantik perunding dan kontraktor bagi melaksanakan projek mengikut tatacara kewangan semasa yang berkuat kuasa di Agensi Pelaksana tertakluk kepada arahan atau keputusan KKDW.

6.4.3 Pengurusan Kontrak

Agensi Pelaksana yang dilantik boleh melaksanakan projek melalui kontrak secara:

i. Konvensional
   Kaedah ini memberi tanggungjawab perancangan, reka bentuk dan pengawasan kerja oleh perunding yang dilantik berdasarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 2006 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan. Manakala, tanggungjawab membina, menyiapkan dan menguji projek dilakukan oleh kontraktor yang dilantik berdasarkan Panduan Pentadbiran Kontrak Kerja Raya oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) PWD 203/203A (Pindaan Tahun 2010).

ii. Reka dan Bina (*Design and Build*) / *Turnkey*
   Kaedah Reka dan Bina (*Design and Build*) adalah melibatkan tanggungjawab kontraktor untuk keseluruhan kerja yang terlibat termasuk perancangan, kerja-kerja reka bentuk, pembinaan, pengawasan kerja, pengujian dan penyelenggaraan berdasarkan Panduan Pentadbiran Kontrak Kerja Raya oleh Jabatan Kerja Raya PWD *Design and Build* (Pindaan Tahun 2010).

   Rujuk **Lampiran 3**: Ringkasan Aliran Proses Pengurusan Kontrak Secara Konvensional dan Reka dan Bina.

7.0 PEMANTAUAN DAN PENYERAHAN PROJEK

7.1 Pemantauan Projek

Pemantauan pelaksanaan projek akan dijalankan setelah projek diluluskan oleh Agensi Pusat. Mekanisme pemantauan projek adalah melalui jawatankuasa seperti berikut:

7.1.1 Peringkat Kementerian

Jawatankuasa Induk Pelaksanaan Projek Pemajuan Kawasan

Pengerusi	:	Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)
Pengerusi Ganti	:	Setiausaha Bahagian Kemajuan Tanah dan Wilayah
Ahli-ahli	:	Agensi Pelaksana, wakil Kerajaan Negeri, Pegawai Daerah / Residen dan lain-lain Kementerian / Jabatan / Agensi yang terlibat dengan pelaksanaan projek PPK
Kekerapan	:	Sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun
Fungsi	:	Bertanggungjawab dalam menyelaras, mengurus, memantau pelaksanaan projek dan menyelesaikan semua isu serta masalah berbangkit untuk diatasi supaya pelaksanaan projek berjalan lancar

7.1.2 Peringkat Bahagian

Jawatankuasa Penyelarasan Teknikal Projek Pemajuan Kawasan

Pengerusi	:	Setiausaha Bahagian Kemajuan Tanah dan Wilayah
Pengerusi Ganti	:	Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Kemajuan Tanah dan Wilayah
Ahli-ahli	:	Semua pihak yang terlibat dengan projek
Kekerapan	:	Sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun
Fungsi	:	Bertanggungjawab dalam mengurus, memantau pelaksanaan projek dan mengenal pasti isu serta masalah berbangkit untuk diatasi supaya pelaksanaan projek berjalan lancar

7.1.3 Peringkat Projek

Mesyuarat Tapak

Pengerusi	:	Pegawai Penguasa Projek atau Wakil Penguasa Projek
Ahli-ahli	:	Semua pihak yang terlibat dengan projek
Kekerapan	:	Sekurang-kurangnya sekali sebulan
Fungsi	:	Bertanggungjawab dalam mengurus, memantau pelaksanaan projek dan mengenal pasti isu serta masalah berbangkit semasa kerja-kerja pembinaan dijalankan

7.2 Penyerahan Projek

i. Kaedah penyerahan projek adalah tertakluk kepada Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Bil. 5 Tahun 2009 mengenai Garis Panduan Penyerahan Projek Pembangunan Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

ii. Penyerahan projek kepada agensi penerima perlu dilakukan setelah projek selesai sepenuhnya (CCC).

iii. Sebarang penyelenggaraan komponen-komponen fizikal selepas tamat tempoh tanggungan kecacatan adalah menjadi tanggungjawab agensi penerima.

iv. Sebarang penyelenggaraan komponen rumah selepas tempoh tanggungan kecacatan adalah menjadi tanggungjawab peserta sendiri.

v. Pemberian rumah adalah percuma dan tidak boleh dijual.

vi. Pemberian hakmilik lot kediaman adalah tanggungjawab dan pertimbangan oleh Pihak Berkuasa Negeri atau agensi.

vii. Peserta bertanggungjawab untuk menyelesaikan semua bayaran deposit meter utiliti dan bayaran lain yang berkaitan bagi menduduki rumah.

7.3 Carta Alir Pelaksanaan PPK

Rujuk **Lampiran 4:** Carta Alir Pelaksanaan PPK

8.0 DASAR PEMISAH

Bagi mana-mana projek yang tidak dapat dilaksanakan oleh Agensi Pelaksana disebabkan oleh apa-apa halangan atau masalah yang gagal diselesaikan, KKDW boleh membuat perakuan untuk membatalkan pelantikan Agensi Pelaksana dan membatalkan projek.

9.0 PEMAKAIAN DAN TARIKH KUATKUASA

Pemakaian Garis Panduan Pelaksanaan Projek Pemajuan Kawasan (Pindaan 2024) menggantikan Garis Panduan Pelaksanaan Projek Pemajuan Kawasan Tahun 2020 berkuat kuasa mulai 20 November 2024. Garis Panduan ini boleh dipinda atau diubah suai mengikut keperluan dari semasa ke semasa dan diperaku di peringkat Jawatankuasa Induk Pelaksanaan PPK.

10.0 PENGECUALIAN

Sebarang pengecualian daripada mana-mana peruntukan di dalam Garis Panduan ini hendaklah dirujuk kepada pihak Kementerian untuk dibawa kepada pertimbangan dan kelulusan Jawatankuasa Induk Pelaksanaan PPK / Pegawai Pengawal.

11.0 MAKLUMAT PERHUBUNGAN

Sebarang pertanyaan mengenai pelaksanaan PPK, sila hubungi:

BAHAGIAN KEMAJUAN TANAH DAN WILAYAH
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH


Aras 25, No. 47, Persiaran Perdana,
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62100 WP PUTRAJAYA.

Tel: 03 - 8891 2180 **Faks:** 03 - 8888 2334

E-mel: ppktw@rurallink.gov.my

LAMPIRAN 1

REKA BENTUK DAN SPESIFIKASI PAPAN TANDA NAMA PROJEK PEMAJUAN KAWASAN



LAMPIRAN 2

PENDAPATAN GARIS KEMISKINAN (PGK) PER KAPITA MENGIKUT NEGERI DAN STRATA & HAD PENDAPATAN BAGI KUMPULAN TERENDAH 40 PERATUS (B40)

- **PGK Per Kapita Mengikut Negeri dan Strata**

PGK berdasarkan pendapatan isi rumah (bulanan) yang disediakan oleh Kementerian Ekonomi setiap dua (2) tahun sekali. Isi rumah miskin adalah kumpulan yang berpendapatan kurang daripada PGK Nasional, manakala isi rumah miskin tegar adalah kumpulan yang berpendapatan kurang daripada paras PGK Makanan. PGK semasa (tahun 2022) adalah diguna pakai seperti berikut:

PENDAPATAN GARIS KEMISKINAN (PGK) PER KAPITA MENGIKUT NEGERI DAN STRATA, 2022

Negeri	Miskin (RM)						Miskin Tegar (RM)					
	Bandar		Luar Bandar		Jumlah		Bandar		Luar Bandar		Jumlah	
	Isi Rumah	Per Kapita	Isi Rumah	Per Kapita	Isi Rumah	Per Kapita	Isi Rumah	Per Kapita	Isi Rumah	Per Kapita	Isi Rumah	Per Kapita
MALAYSIA	2,660	747	2,342	602	2,589	715	1,197	328	1,199	303	1,198	322
Johor	2,665	758	2,481	652	2,627	735	1,143	317	1,232	318	1,161	317
Kedah	2,303	649	2,206	587	2,271	629	1,109	307	1,253	330	1,156	315
Kelantan	2,415	606	2,199	532	2,297	566	1,193	292	1,199	287	1,196	289
Melaka	2,721	728	2,122	560	2,670	713	1,251	326	1,171	306	1,244	325
Negeri Sembilan	2,617	739	1,876	564	2,402	689	1,240	340	1,006	297	1,173	328
Pahang	2,675	750	2,235	628	2,480	696	1,250	341	1,145	316	1,204	330
Pulau Pinang	2,258	719	2,136	564	2,250	708	1,022	315	1,214	314	1,036	315
Perak	2,332	708	2,199	623	2,297	686	1,066	312	1,136	312	1,084	312
Perlis	2,199	593	2,069	569	2,140	582	1,145	299	1,132	301	1,139	300
Selangor	2,848	775	2,421	592	2,830	768	1,274	345	1,262	312	1,274	343
Terengganu	2,799	631	2,662	580	2,751	613	1,352	299	1,394	301	1,367	300
Sabah	2,706	694	2,795	636	2,742	671	1,180	291	1,275	284	1,218	288
Sarawak	2,860	751	2,263	599	2,618	689	1,420	359	1,119	287	1,298	330
W.P. Kuala Lumpur	2,816	900	-	-	2,816	900	1,109	347	-	-	1,109	347
W.P. Labuan	2,606	684	2,196	527	2,576	672	1,265	320	1,301	305	1,268	318
W.P. Putrajaya	2,450	664	-	-	2,450	664	1,206	318	-	-	1,206	318

Sumber: Portal Pembasmian Kemiskinan (eKasih)
https://ekasih.icu.gov.my

- **Had Pendapatan Kasar Isi Rumah Bulanan Terendah 40% (B40) dan Strata, Malaysia, 2022**

STRATA	**MALAYSIA**	LUAR BANDAR	BANDAR
HAD PENDAPATAN (RM) (B40)	**< 5,250**	< 3,510	< 6,030

B40 diperincikan kepada B1, B2, B3 dan B4:

KUMPULAN ISI RUMAH		HAD PENDAPATAN (RM)
B40	B4	4,310 - 5,249
	B3	3,440 - 4,309
	B2	2,560 - 3,439
	B1	Kurang daripada 2,560

Sumber: Diolah daripada Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah, 2022
Oleh Kementerian Ekonomi

LAMPIRAN 3

RINGKASAN ALIRAN PROSES PENGURUSAN KONTRAK SECARA KONVENSIONAL & REKA DAN BINA

- **Proses Pengurusan Kontrak Secara Konvensional**

TINDAKAN	ALIRAN	PERANAN
	Mula	
Kelulusan projek oleh Kementerian Ekonomi	1	TW, KKDW
Pelantikan agensi pelaksana dan kelulusan Pegawai Pengawal bagi penentuan kaedah tender (konvensional / reka dan bina) menjalankan kerja ukur dan penyiasatan tanah	2	TW, KKDW / Agensi Pelaksana
Penubuhan Jawatankuasa Penyediaan Kehendak Kerajaan (JPKK)	3	TW, KKDW / Agensi Pelaksana
Penyediaan Kehendak Kerajaan dan Kelulusan Jawatankuasa Standard dan Kos, JPM	4	Agensi Pelaksana
Pelantikan Khidmat Perunding Kelulusan oleh Pegawai Pengawal (semua disiplin khidmat perunding bagi pelaksanaan projek awam)	5	Agensi Pelaksana
Penyediaan rekabentuk oleh perunding dan dokumen tender	6	Agensi Pelaksana
Perolehan Secara Tender Terbuka / Terhad	7	Agensi Pelaksana / Bahagian Perolehan
Penilaian Tender	8	Agensi Pelaksana
Mesyuarat Lembaga Perolehan dan penentuan kontraktor	9	Bahagian Perolehan
Surat Setuju Terima	10	Bahagian Perolehan
Pelaksanaan Projek	11	Agensi Pelaksana
Projek Siap dan Serahan Kepada Agensi Penerima / Kerajaan Negeri	12	Agensi Pelaksana / Penerima
	Tamat	

- **Proses Pengurusan Kontrak Secara Reka dan Bina**

TINDAKAN	ALIRAN	PERANAN
	Mula	
Kelulusan projek oleh Kementerian Ekonomi	1	TW, KKDW
Pelantikan agensi pelaksana dan kelulusan Pegawai Pengawal bagi penentuan kaedah tender (konvensional / reka dan bina) menjalankan kerja ukur dan penyiasatan tanah	2	TW, KKDW / Agensi Pelaksana
Penubuhan Jawatankuasa Penyediaan Kehendak Kerajaan (JPKK)	3	TW, KKDW / Agensi Pelaksana
Penyediaan Kehendak Kerajaan dan Kelulusan Jawatankuasa Standard dan Kos, JPM	4	Agensi Pelaksana
Penyediaan Dokumen Tender Pre-Bid	5	Agensi Pelaksana
Surat pelawaan kepada petender yang diluluskan oleh Lembaga Perolehan	6	Bahagian Perolehan
Taklimat dan Lawatan Tapak kepada petender yang dipelawa	7	Agensi Pelaksana
Penyediaan Anggaran Kos Projek dan Reka Bentuk	8	Agensi Pelaksana
Penilaian Tender oleh Jawatankuasa Penilaian Harga dan Jawatankuasa Penilaian Teknikal	9	Jawatankuasa yang dilantik
Mesyuarat Lembaga Perolehan	10	Bahagian Perolehan
Kelulusan Pemilihan Kontraktor	11	Bahagian Perolehan
Surat Niat dan Mesyuarat Penyelarasan *Pre-Award* (jika perlu)	12	Bahagian Perolehan / Agensi Pelaksana
Surat Setuju Terima (SST)	13	Bahagian Perolehan
Pelaksanaan Projek	14	Agensi Pelaksana
Projek Siap dan Serahan Kepada Agensi Penerima / Kerajaan Negeri	15	Agensi Pelaksana / Penerima
	Tamat	

LAMPIRAN 4

CARTA ALIR PELAKSANAAN PROJEK PEMAJUAN KAWASAN

